

ORIGINAL ARTICLE

Penerapan Pendekatan Semantik Inkuisitif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa

George Romiko Bujang* dan Mary Fatimah Subet

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Jln Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

ABSTRAK – Pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu tidak dapat dipisahkan. Namun, makna implisit di sebalik bahan seni bahasa agak sukar difahami dengan mendalam terutamanya dalam kalangan murid pada peringkat pendidikan rendah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti dan merungkai makna tersirat yang terkandung dalam bahan pengajaran-pembelajaran seni bahasa. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks dalam bahan seni bahasa. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Responden yang terdiri daripada 8 orang murid tahun enam dipilih untuk menyertai kajian ini. Hasil kajian mendapati penggunaan pendekatan SI dalam merungkai makna yang terkandung dalam bahan seni bahasa ini berupaya mencungkil kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Pendekatan SI yang diketengahkan ini diharapkan menjadi kaedah terbaik dalam memimpin murid meneroka makna tersirat di sebalik bahan seni bahasa untuk menghasilkan impak pembelajaran yang lebih berkualiti dan bermakna selari dengan kaedah pembelajaran abad ke-21.

ARTICLE HISTORY

Received: 6 March 2022

Revised: 15 July 2022

Accepted: 30 August 2022

KEYWORDS

Bahasa figuratif
Kemahiran aras tinggi
Seni bahasa
Semantik inkuisitif

*Figurative language
High-order thinking
Inquisitive semantics
Language arts*

The Exertion Inquisitive Semantics Approach in the Teaching and Learning of Language Arts

ABSTRACT – Teaching and learning of language arts in Malay language education is inseparable. However, the implicit meaning behind the language art material is quite challenging to understand deeply, especially among primary school pupils. Therefore, this study examined and revealed the implied intentions of the language arts material. This qualitative study uses the method of text analysis of language art materials. This study applies the Inquisitive Semantics approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Eight respondents consisting of Year Six pupils were selected to participate in this study. The results showed the use of the approach in solving the meanings contained in the language art materials to develop students' high-order thinking skills. This approach is expected to be the best method for pupils to explore the implied meaning of language arts materials in producing more quality and meaningful learning impact along with the 21st-century learning method.

PENGENALAN

Pendidikan bahasa Melayu semakin diberi perhatian, lebih-lebih lagi setelah memasuki abad ke-21 ini. Pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan senantiasa diperkukuh untuk memastikan bahasa Melayu tidak tenggelam dalam persaingan dengan bahasa-bahasa asing yang lain. Pada dasarnya, bukan hanya atas dasar bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu, penguasaan murid terhadap sistem nahu bahasa Melayu juga dituntut untuk membolehkan murid menguasai bahasa tersebut dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian (Marriane Tang Nguik Hong et al., 2021). Sejajar dengan itu, aspek seni bahasa tidak ketinggalan dalam situasi ini. Seni bahasa secara perlahan-lahan menempa namanya dalam proses penyampaian ilmu. Perkara ini dapat dilihat melalui usaha gigih Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadikan seni bahasa sebagai aspek yang perlu diajar dan dimuatkan ke dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Aspek seni bahasa ini merujuk keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks pendekatan didik hibur.

Jika dirujuk pada tajuk kajian, kajian turut membincangkan penerokaan makna dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang terdapat dalam kandungan pembelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Tambahan pula, KSSR Bahasa Melayu yang mula bertapak dalam sistem pendidikan rendah di negara ini bermula pada tahun 2011 (Surat Pekeliling Ikhtisas bil. 2/2010 Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu mulai 2011) adalah untuk membolehkan pelajar berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Maka, kerana itulah pembelajaran seni bahasa harus diperkasakan melalui kaedah dan pendekatan yang terancang. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, keupayaan membaca dan memahami makna teks bahan seni bahasa adalah kemahiran yang perlu diajar di dalam kelas pendidikan bahasa Melayu. Oleh itu, melalui idea, teknik, kaedah dan pendekatan yang kreatif, pembelajaran seni bahasa ini diharap dapat melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif serta mampu menguasai kemahiran mencari makna tersirat dengan baik.

Penyataan Masalah

Pembelajaran seni bahasa dalam kalangan murid lebih-lebih lagi pada peringkat pendidikan rendah semakin diberi penekanan. Aspek ini menekankan pemahaman makna implisit yang perlu ditelusuri sehingga ke akar umbinya. Akibatnya, para murid terkapai-kapai dalam menongkah arus pembelajaran yang memerlukan kemahiran kognitif yang tinggi yakni kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014), KBAT diterapkan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi juga faham dan tahu perkara yang mereka pelajari dan menggunakan akal fikiran pada tahap yang tinggi dengan menguasai kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta. Kenyataan ini disokong oleh Harun Baharudin (2015) yang menyatakan bahawa pelaksanaan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijadikan alat untuk meningkatkan tahap pemikiran murid. Hal ini memberikan peluang kepada murid dalam membentuk kemahiran berfikir pada aras yang lebih tinggi dan merubah pemikiran serta tingkah laku dalam pembelajaran dari segi berfikir, belajar dan mendapatkan maklumat (Mohd. Aizaini, 2004).

Justeru, satu pendekatan yang berpadanan dengan kehendak dan matlamat yang dinyatakan ini perlu diaplikasikan dalam pembelajaran bahan seni bahasa agar proses pembelajaran itu akan menjadi lebih bermakna dan sesuai dengan kreativiti yang ada pada diri murid. Tambahan pula, pendekatan pembelajaran seni bahasa yang kreatif ini mampu menarik minat murid untuk mempelajari Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menyingkap penggunaan pendekatan semantik inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam mencungkil makna bahan seni bahasa iaitu petikan sajak sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi penulisnya.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti keberkesanan pendekatan Semantik Inkuisitif dalam menganalisis makna implisit dalam bahan didik hibur mata pelajaran Bahasa Melayu
2. Menghuraikan keberkesanan pendekatan Semantik Inkuisitif sebagai pendekatan yang sesuai untuk mengajar seni bahasa

SOROTAN KAJIAN

Mohd. Ridzuan Md Nasir dan Mary Fatimah Subet (2018) telah menjalankan kajian yang menggabungkan pendekatan SI oleh Nor Hashimah (2014) dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan bahasa Melayu. Hasil kajian yang dijalankan mendapati pengkaji dapat mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati di sebalik makna harfiah peribahasa tersebut dan menjadikan kandungan pembelajaran peribahasa lebih bermakna. Dalam menganalisis data, pengkaji telah mengemukakan semantik skripnya, kemudian semantik resonans dengan mengambil kira data, teori dan kognitif penutur dan akhir sekali data dianalisis pada peringkat SI dengan mengambil kira falsafah dan akal budi.

Dalam kajian ini juga pengkaji dapat menjelaskan makna peribahasa menggunakan kerangka SI melalui proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa di dalam bilik darjah. Dalam kajian, pengkaji telah menganalisis salah satu data berbentuk peribahasa iaitu 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya' yang diberi maksud sebagai melatih atau mendidik anak hendaklah sejak dari kecil kerana jika sudah besar susah hendak mendidiknya. Dapatan daripada analisis SI ini pula ialah pengkaji melihat imej 'buluh' yang digunakan di dalam peribahasa ini mempunyai makna implisit yang ingin mengetengahkan ciri-ciri 'keras' yang ada pada buluh tersebut untuk dikaitkan dengan salah satu perwatakan yang ada pada manusia iaitu 'degil' ataupun 'keras kepala.'

Sifat buluh yang keras dalam peribahasa ini kemudiannya dibandingkan dengan sifat lembut yang ada pada rebung untuk menunjukkan perbezaan yang ada pada kedua-dua objek ini. Rebung pula merupakan tunas muda yang tumbuh daripada akar buluh dan keluar daripada rumpun buluh. Melihat kepada struktur dan sifat yang ada pada buluh dan rebung, maka tidak hairanlah masyarakat Melayu dahulu menggunakan kedua-dua imej ini untuk memberi kiasan kepada ibu bapa mengenai urusan kekeluargaan dalam mendidik anak-anak. Perbuatan 'melentur' dalam peribahasa ini bermotivasikan 'mendidik' yang dilihat sebagai usaha ibu bapa untuk membentuk akhlak dan keperibadian anak-anak mengikut acuan yang dikehendaki. Hal ini sangat bertepatan dengan peranan dan tugas ibu bapa yang bertanggungjawab mendidik anak-anak sejak dari kecil lagi kerana apabila telah meningkat remaja dan dewasa, keperibadian anak-anak pasti sukar untuk 'dilentur' lagi. Dalam kajian ini, pengkaji dapat menjelaskan makna peribahasa menggunakan kerangka SI. Pengkaji telah dapat mencungkil falsafah serta akal budi penutur jati yang tersembunyi di sebalik setiap ungkapan peribahasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa di dalam bilik darjah.

Seterusnya, kajian Siti Farida et al. (2020) pula membincangkan makna di sebalik novel yang bertajuk “Sangkar” karya Samsiah Mohd. Nor yang diterbitkan pada tahun 1995. Para pengkaji telah membincangkan tiga kelompok semantik leksikal yang tertinggi dan satu kelompok semantik yang terendah terdiri daripada antonim, sinonim, hiponim dan meronim. Hasil perbincangan mendapati semantik leksikal antonim dilihat sebagai data utama yang dianalisis oleh pengkaji. Walaupun pengkaji tidak mengaplikasikan pendekatan SI dalam menganalisis novel, kaedah ini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar mengesan makna leksikal dalam membuat perbandingan dari segi watak dan perwatakan, suasana dalam penceritaan, latar dan sebagainya dalam sesuatu bahan pembelajaran sastera dan seni bahasa.

Mary Fatimah Subet (2019) turut melaksanakan kajian menggunakan Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995) dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa. Kajian ini telah diimplementasikan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan Lima. Kajian ini dijalankan dalam usaha pengkaji untuk menambah baik pendekatan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa sedia ada seperti Pendekatan Struktural, Pendekatan Mengalami-Menghayati dan Pendekatan Berfokus. Pengkaji telah mencadangkan aplikasi TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995) dalam proses meneroka makna bahasa figuratif (BF) dalam sajak bertajuk “Suasana” hasil karya Usman Awang (1965). Mary Fatimah memilih sajak ini sebagai data kajian kerana sajak ini pernah dijadikan bahan pengajaran di peringkat SPM. TR dalam kajian ini menekankan kepada tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses (Nor Hashimah, 2007).

Dalam perbincangan kajian, Mary Fatimah telah memilih bahasa figuratif (BF) persofikasi daripada baris 15 sajak Usman Awang (1965) iaitu, “Hati mereka bersalam dan saling berpelukan”. Pengkaji dan para pelajar telah merujuk setiap makna perkamusan bagi setiap perkataan dalam baris BF ini. Namun begitu, pengkaji menjelaskan kepada pelajar bahawa makna harfiah bukanlah makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Dalam situasi ini, TR bertindak membantu pengkaji dan pelajar mencari makna tersirat sebenar yang terselit dalam baris BF tersebut. Pengkaji memperkenalkan kod, inferens dan andaian dalam usaha mencari makna tersirat baris BF berkenaan. TR yang pengkaji gunakan telah memaparkan analisis seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1. Analisis Teori Relevans: Personafikasi: *Hati mereka bersalaman dan saling berpelukan* (baris 15).

Kod	Inferens	Andaian
Hati	Perasaan mesra	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak bermusuhan dan tidak benci antara satu sama lain 2. Hormat-menghormati antara satu sama lain ekoran persahabatan yang mesra kewujudan kasih sayang. 3. Hidup dalam harmoni dan tiada syak wasangka antara satu sama lain. 4. Perpaduan kaum yang sangat jelas. 5. Sangat mesra

Nota. Kod, inferens dan andaian ditentukan oleh pengkaji untuk menjelaskan makna ungkapan.

Sumber: Dipetik dan diadaptasi daripada kajian Mary Fatimah Subet (2019)

Dalam baris 15, maksud harfiah yang diperoleh terlebih dahulu telah membekalkan kesan kognitif yang diperlukan untuk memproses baris berkenaan. Hasil kajian juga mendapati baris tersebut menjadi semakin mudah diproses dengan mengambil kira lima andaian yang telah dikemukakan. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam aspek pengesanan makna menjadi lebih mudah dengan mengambil kira lima andaian tersebut kerana menurut pandangan Nor Hashimah (1992), sesuatu andaian menjadi relevan dalam sesuatu konteks, jika dan hanya jika ia mempunyai beberapa kesan kognitif ketika berada dalam satu konteks. Pengkaji turut menjelaskan dalam kajiannya bahawa dapatan makna tersebut diperkukuh dengan memberi input atau maklumat tambahan perihal perpaduan kaum di Malaysia. Hal ini diandaikan telah sedia wujud dalam memori jangka panjang pengkaji dan seterusnya dapat membuktikan lagi kebenaran pandangan itu. Secara kesimpulannya, dapatan kajian turut mendapati pengaplikasian TR sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi meneroka makna BF dalam sajak berupaya menjana pemikiran kreatif dan kritis para murid. Penerapan TR membolehkan murid memikirkan andaian-andaian yang diperlukan untuk sampai kepada makna sebenar yang dihayati. Selain itu, murid juga berkeupayaan untuk memikirkan makna di luar jangkauan isi yang dipaparkan secara bertulis (Mary Fatimah, 2019). Dalam erti kata lain, TR yang digunakan dalam proses pengajaran-pembelajaran gaya bahasa ini berupaya mengasah KBAT yang memang telah sedia wujud dalam kotak pemikiran murid dalam menempuh alam pembelajaran abad ke-21 ini.

Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020) telah mengkaji perwatakan dalam novel ‘Di Sebalik Dinara’ karya Dayang Noor (2014). TR diaplikasikan dalam kajian ini. Hasil analisis mendapati perwatakan dalam novel telah digambarkan sebagai seorang yang bertanggungjawab, berdikari, tidak terburu-buru lam mengambil tindakan dan membuat keputusan dengan berhati-hati. Hasil kajian juga mendapati banyak kesan kognitif yang terhasil kerana usaha memproses agak mudah dan sekali gus menjadikan ujaran yang dipetik daripada novel semakin relevan. Seterusnya, dengan adanya frasa tambahan, dapat memudahkan pemahaman makna terhadap perbuatan atau tindakan seseorang yang diceritakan dalam sesuatu karya.

(Di Sebalik Dinara; ms 10)

“Aku tak fahamlah abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia.” *Farisha* berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya....

Sebagai contoh, analisis rangka rujuk silang (RRS) di atas menunjukkan perwatakan Farisha yang suka berdikari. Pada umumnya, leksikal-leksikal tersebut telah memberikan kesan kognitif kepada pembaca atau pelajar terutamanya apabila wujudnya frasa ‘Kenapa nak pasang retinal scanner pula?’ dan ‘Dahlah dia sambungkan interkom’ (Di Sebalik Dinara; ms 10) telah memberi kesinambungan untuk membantu interpretasi perwatakan yang dicari. Kehadiran leksikal ‘kenapa’, ‘pasang’ dan ‘sambung’ dalam frasa tersebut memudahkan usaha memproses dalam diri pembaca atau pelajar. Kajian telah membuktikan bahawa penggunaan TR dan RRS dalam pembelajaran bahan seni bahasa berbentuk novel adalah amat relevan dan dapat memberi makna implisit dan subjektif kepada murid.

Marriane et al. (2021) telah melaksanakan kajian bertajuk ‘Analisis Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid Berdasarkan Teori Relevan’. TR yang digunakan dalam analisis seperti yang dinyatakan oleh Sperber dan Wilson 1986 (dalam Mary Fatimah, 2015) terdiri daripada tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Hasil kajian menunjukkan faktor psikologi, persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi menjadi faktor utama oleh murid menanggapi makna ketiga-tiga peribahasa tersebut. Implikasinya, kajian ini dapat mengetengahkan faktor-faktor yang mendorong murid-murid mentafsir makna peribahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan penerapan TR. Dapatan kajian juga menjelaskan tahap kefahaman pelajar dalam menanggapi makna peribahasa menggunakan TR berada pada tahap memuaskan. Kajian yang dijalankan ini turut dapat memberikan galakan kepada murid untuk memahami, menguasai dan mengaplikasikan peribahasa dalam komunikasi seharian yang merupakan warisan kebahasaan yang konvensional dan menarik serta harus dipertahankan nilai dan kualitinya.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji memilih untuk melaksanakan kaedah analisis dokumen dan data korpus di samping turut mendapatkan maklum balas daripada responden kajian yang terdiri daripada lapan orang murid tahun enam. Responden kajian ini akan berperanan sebagai murid yang mengikuti proses PdP seni bahasa. Pengkaji yang bertindak sebagai guru dalam proses PdP seni bahasa ini akan membimbing murid mencari dan mencungkil makna yang tersirat di sebalik ungkapan yang dipetik daripada sajak. Kajian ini menggunakan sajak yang dipetik daripada buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 Sekolah Kebangsaan iaitu ‘Janji Kepada Bumi’ hasil karya Mat Ariffin dan Abdul Rahman (2019) sebagai bahan untuk mendapatkan sumber BF. Pensampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan sajak ‘Janji Kepada Bumi’ yang dipilih sebagai data kajian. Pemilihan sampel dalam kajian ini bertepatan dengan kenyataan Pranee Liamputtong (2014) iaitu saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi asalkan sampel berkenaan memenuhi kriteria pensampelan.

Inkuisitif Semantik

Pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan SI (Rajah 1), diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) yang mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pendekatan SI merangkumi tiga peringkat iaitu, peringkat semantik skrip, peringkat semantik resonans dan peringkat semantik inkuisitif. Pada peringkat semantik skrip, ia melibatkan tafsiran makna harfiah. Semantik skrip hanya melibatkan hubungan bahasa, makna dan pemikiran. Tafsiran makna dilakukan berdasarkan tafsiran umum daripada pemerhatian secara lapangan dan melalui pembacaan terhadap teks-teks yang ada bagi mentafsir pemikiran Melayu, sehingga tafsiran makna hanya dapat dilihat secara permukaan.

Pada peringkat semantik resonans, tafsiran akan melibatkan proses menghuraikan kognitif penutur. TR yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) yang menekankan dua prinsip utama iaitu andaian asas dan kesannya turut digunakan dalam peringkat ini. TR turut menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat.

Pada peringkat ketiga iaitu peringkat terakhir dalam pendekatan SI dipanggil semantik inkuisitif. Analisis semantik tahap ini bukan sahaja mengaitkan bahasa dan kognitif penuturnya tetapi meneroka jauh ke akal budi penuturnya. Semantik peringkat ini mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu. Dalam peringkat ini, jawapan kepada ‘kenapa, kenapa dan kenapa’ sehingga terbongkarnya rahsia pemikiran Melayu. Ringkasan kepada rentetan peringkat pendekatan SI ini dapat dilihat seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Peringkat Semantik Inkuisitif (SI).

Nota. Pendekatan Semantik Inkuisitif telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) untuk mencungkil makna sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi Melayu.

Sumber: diadaptasi dan diubah suai dari Nor Hashimah Jalaluddin (2014)

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

DATA 1: *Agar Sejahtera Perutmu*

Data ini terlebih dahulu dianalisis dengan menggunakan semantik skrip. Pemilihan data untuk dianalisis ini diputuskan oleh pengkaji mengikut prosedur kajian persampelan bertujuan yang telah ditetapkan. Pada peringkat ini, seperti yang dilakukan dalam penganalisan data sebelumnya, murid akan menelaah kamus untuk mencari makna harfiah iaitu makna pada peringkat permukaan ujaran yang akan dianalisis. Murid juga menunjukkan sifat berdikari dalam mencari makna melalui kamus kerana telah dibimbing oleh guru sebelum ini dalam Data 1. Paparan dalam Jadual 2 yang berikut ialah makna permukaan yang diperolehi melalui kamus.

Jadual 2. Makna Harfiah '*Agar sejahtera perutmu*'

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
1	Agar sejahtera perutmu	Agar Sejahtera Perut	<ul style="list-style-type: none"> • semoga • aman dan makmur • bahagian depan tubuh di bawah dada

Nota. Pencarian makna harfiah setiap leksikal dalam ungkapan '*Agar sejahtera perutmu*' menggunakan Kamus Bahasa Melayu.

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2, makna harfiah bagi BF personifikasi '*Agar sejahtera perutmu*' yang dipetik daripada baris kesembilan dari sajak '*Janji Kepada Bumi*' di muka surat 125 buku teks Bahasa Melayu Tahun Enam ini ialah 'semoga aman dan makmur bahagian depan tubuh di bawah dada.' Jika diamati makna ini, makna yang hendak disampaikan oleh penyajak masih kurang jelas dan kabur. Makna pada peringkat harfiah ini tidak dapat menggambarkan apa-apa makna yang koheren. Masih ada makna yang lebih berstruktur yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam ungkapan '*agar sejahtera perutmu*' ini. Oleh hal yang demikian, penerokaan makna perlu dipergiat ke peringkat yang kedua iaitu peringkat semantik resonans.

Sesungguhnya, makna pada peringkat resonans ini akan melibatkan penggunaan TR yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) bagi menggantikan Teori Grice yang mempunyai beberapa kelemahan (Nor Hashimah, 1992). TR mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks, serta prinsip relevans. Prinsip asas TR ialah setiap manusia berkomunikasi dengan berorientasikan relevan (Nor Hashimah, 2007). Seperti yang dijelaskan sebelum ini, menurut Mary Fatimah (2015), sesuatu ujaran yang relevan yang hanya memerlukan kos memproses yang rendah tetapi kesan kognitifnya tinggi. Perkara yang dapat dilihat dalam analisis data '*agar sejahtera perutmu*' ialah kos memprosesnya rendah kerana murid telah mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan konteks dan keseluruhan teks sajak itu juga

boleh dijadikan konteks. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber & Wilson, 1995).

Lantas, bagi membuktikan bahawa murid sememangnya diterapkan dengan ilmu KBAT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru membimbing murid ke arah mencungkil makna menggunakan analisis TR yang diserlahkan di peringkat semantik resonansi ini. Murid diberikan borang analisis relevan untuk dibincangkan dalam kumpulan bagi mendapatkan andaian-andaian yang berkaitan. Hasil tugas murid dapat dirujuk dalam Jadual 3.

Jadual 3. Analisis TR Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Data 1.


Data (1) Agar sejahtera perutmu		
Kod	Inferens	Andaian
Perut	Pusat	1. permukaan bumi 2. dasar lautan 3. bawah tanah

Nota. Penentuan kod, inferens dan andaian membolehkan murid memahami makna ungkapan dengan lebih mendalam melalui proses kognitif.

Berdasarkan Jadual 3, murid menyatakan inferens iaitu 'ruang atau teras'. Setelah konteks dapat dikenal pasti, kajian ini berpendapat bahawa penginterpretasian data menjadi lebih mudah dengan melihat ujaran terdahulu dan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pendengar atau murid untuk mengesahkan konteks tersebut. Kajian mendapati bahawa andaian-andaian di atas mempunyai konteks yang sama iaitu keadaan ruang yang dinyatakan berkaitan dengan bumi. Permukaan bumi, dasar lautan dan bawah tanah yang menjadi teras kepada bumi inilah yang perlu dipelihara kelestariannya seperti yang diinginkan oleh penutur sajak ini. Dengan ini, andaian telah diperkukuh oleh konteks sehingga mewujudkan kesan kognitif. Apabila adanya kesan konteks, maka maklumat tersebut menjadi relevan kepada pendengar.

Sungguhpun makna pada peringkat semantik resonansi dilihat agak mantap dalam memberikan makna yang sesuai kepada ungkapan 'agar sejahtera perutmu', namun masih ada lagi kelompangan yang perlu ditambah. Analisis pada peringkat SI ini membawa murid meneroka makna yang terkandung dalam ungkapan 'agar sejahtera perutmu' sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi penuturnya. Persoalan 'kenapa, kenapa dan kenapa' akan mengungkap segala ketersiratan yang mungkin wujud dalam ungkapan itu. Kenapa leksikal sejahtera digabungkan dengan leksikal perut? Sejahtera merujuk kepada keadaan yang aman dan tenteram seperti suasana yang wujud dalam negara kita, Malaysia. Menurut Atchley (2004) (dalam Ummi Munirah Syuhada et al., 2016), kesejahteraan adalah perasaan bebas daripada tekanan, rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa-apa yang diinginkan seiring dengan matlamat. Murid dibimbing untuk merentas ilmu kajian sosial dan pendidikan sivik. Guru juga perlu membekalkan maklumat daripada Internet kepada murid untuk mereka memahami dan membuat perkaitan maklumat tersebut dengan ungkapan yang dianalisis.

Seterusnya, kenapa perkataan perut digunakan oleh penutur dalam ungkapan 'agar sejahtera perutmu?' Pada situasi ini, murid dibawa pula meneroka dan merentas ilmu Sains. Guru menerangkan kepada murid tentang keadaan ruang dan tempat pada bumi yang dapat dikaitkan dengan perut (Rajah 2).



Rajah 2. Struktur bumi.

Nota. Struktur Bumi dan penjelasannya yang mengandungi bahagian yang terdiri daripada kerak bumi, mantel bumi, inti bumi luar dan inti bumi dalam. (Sumber: Ika Lestari, 2015).

Bumi adalah salah satu planet dalam sistem suria yang berada dalam galaksi bima sakti. Bumi memiliki lapisan-lapisan yang terdiri daripada kerak bumi, mantel Bumi, inti bumi luar dan inti bumi dalam. Keempat-empat lapisan ini berperanan mengekalkan kestabilan Bumi. Menurut Amriah Buang (2013), meskipun membekalkan sumber kehidupan, fitrah alam sekitar fizikal planet bumi mengenakan kekangan tertentu kepada aktiviti kehidupan manusia. Antaranya ialah taburan sumber alam yang tidak sekata yang sering membawa kepada wujudnya cabaran dan konflik dalam kelangsungan hidup manusia di planet Bumi ini. Murid dibimbing untuk memahami maklumat ini melalui penerangan guru tentang kesan dan akibat jika berlaku kerosakan pada struktur Bumi. Pemahaman murid dalam ungkapan ‘agar sejahtera perutmu’ membuktikan penganalisan makna di peringkat SI ini berupaya mencungkil makna sehingga ke peringkat falsafah, budaya dan akal budi penyajak. Kecerdasan kognitif murid dalam merungkai makna ungkapan yang terkandung dalam sajak pada peringkat SI ini jelas membuktikan kemampuan murid mengaplikasikan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam aspek seni bahasa.

DATA 2: Tangan-tangan Kami Membentuk Alam Lestari

Pada peringkat semantik skrip ini, murid akan melaksanakan tugas yang sama seperti sebelumnya iaitu mencari makna menggunakan kamus bahasa Melayu. Penerokaan makna di aras permukaan ini mudah bagi murid yang telah melalui pengalaman sebelum ini. Jadual 4 memaparkan makna ungkapan , ‘tangan-tangan kami membentuk alam lestari’.

Jadual 4. Makna Harfiah ‘*tangan-tangan kami membentuk alam lestari*’

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
2	tangan-tangan kami membentuk alam lestari	Tangan-tangan kami	<ul style="list-style-type: none"> • bahagian badan manusia • kata ganti nama diri pertama (jamak)
		Membentuk alam lestari	<ul style="list-style-type: none"> • melengkung • dunia, bumi • kekal, tetap

Nota. Pencarian makna harfiah setiap leksikal dalam ungkapan ‘tangan-tangan kami membentuk alam lestari’ menggunakan Kamus Bahasa Melayu.

Penelitian makna pada peringkat ini belum mencukupi untuk memahami makna yang tersirat dalam ungkapan seperti dalam Data 2. Wujud makna yang lebih mendalam dan perlu diteroka lebih jauh ke dalam oleh pengkaji. Disebabkan itu, guru selaku pengkaji membimbing murid untuk meneroka pula makna pada peringkat semantik resonans. Murid didedahkan dengan TR yang menjadi tunjang kekuatan dalam meneliti makna pada peringkat ini. Jadual 5 ialah hasil dapatan murid yang dibimbing oleh guru dalam memberi andaian-andaian yang berkaitan berpandukan kod dan inferens.

Jadual 5. Analisis TR Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Data 2.

Data (2) Tangan-tangan kami membentuk alam lestari		
Kod	Inferens	Andaian
alam lestari	indah dan berkekalan	<ol style="list-style-type: none"> 1. alam sekeliling yang hijau dan terpelihara 2. alam yang kekal dan berpanjangan

TR membenarkan pengkaji menentukan kod, inferens dan andaian untuk sampai kepada makna sebenar sesuatu ujaran. Sebelum kod, inferens dan andaian dikemukakan, murid terlebih dahulu diberikan maklumat konteks. Dalam TR, konteks merupakan sebarang andaian yang terbina daripada situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. Oleh sebab keterlibatan konteks mental dan juga persekitaran penting dalam interpretasi ujaran, maka konteks dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber & Wilson, 1995).

Setelah analisis TR dilakukan seperti dalam Jadual 5, murid menyatakan inferens ‘indah dan berkekalan.’ Setelah konteks dapat dikenal pasti, kajian ini berpendapat bahawa penginterpretasian data menjadi lebih mudah dengan melihat ujaran terdahulu dan pengetahuan atau pengalaman sedia ada murid untuk mengesahkan konteks tersebut. Analisis kajian mendapati bahawa andaian-andaian di atas mempunyai konteks yang sama iaitu alam sekeliling yang hijau dan terpelihara serta alam yang kekal dan berpanjangan hasil daripada tanggungjawab sejagat dalam memelihara dan memulihara persekitaran daripada ancaman pencemaran yang boleh merosakkan keindahannya.

Analisis pada peringkat ketiga iaitu peringkat SI akan mendedahkan pendekatan yang bersifat penerokaan bagi menaikkan semangat ingin tahu murid untuk mencungkil makna ‘tangan-tangan kami membentuk alam lestari’. Pada

peringkat ini, murid dibimbing mencari makna secara multidisiplin. Menurut Nor Hashimah (2014), pada peringkat ini, pengkaji akan dapat menjawab mengapa pola-pola yang dikatakan salah itu sebenarnya ada pewajarannya. Jawapannya pula bertepatan dengan citra dan falsafah penutur Melayu itu sendiri dan dengan ini terbongkarlah rahsia ketersiratan makna sebenar yang hendak disampaikan. Berbalik kepada ungkapan ‘tangan-tangan kami membentuk alam lestari’, kenapa ‘tangan-tangan’ dikaitkan dengan ‘membentuk alam lestari’? Dengan demikian, murid akan diberi penerangan oleh guru tentang fungsi tangan yang menjadi kekuatan fizikal kepada manusia dalam melakukan segala tugas di dunia ini. Menurut Swari (2021), satu anatomi tubuh manusia dengan fungsi yang sangat unik ialah tangan. Bahagian daripada sistem tubuh badan ini membantu pergerakan bermula daripada membawa barang, menahan benda, menggenggam dan sebagainya. Kekuatan tangan ini pula dipengaruhi oleh tulang pergelangan tangan.



Rajah 3. Telapak tangan manusia.

Nota. Tangan manusia yang dibentuk oleh tulang-tulang yang terdiri daripada *Radius, Ulna, Carpals, Metacarpals* dan *Phalanges*. (Sumber: <https://hellosehat.com/muskuloskeletal/gambar-tangan-manusia/>)

Seterusnya, kenapa alam lestari memerlukan tangan-tangan untuk membentuknya? Bagi merungkai persoalan ini, murid dibimbing pula untuk merentas ilmu pendidikan alam sekitar (PAS). Noor Azizah dan Zanaton (2015) menyatakan alam sekitar merupakan elemen yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Kebergantungan manusia kepada alam sekitar mencakupi pelbagai aspek kehidupan termasuklah dari segi keperluan asas sehinggalah untuk memenuhi keperluan serta kehendak kehidupan. Alam sekitar yang sihat dapat menjamin kualiti hidup manusia sejangat yang sejahtera. Namun begitu, situasi dan keadaan ini hanya dapat dikekalkan oleh sentuhan tangan-tangan manusia yang bertanggungjawab ke atasnya. Murid akan dapat melihat perkaitan leksikal tangan dengan alam lestari yang memberikan makna tersirat dalam ungkapan itu. Tambahan pula, maklumat yang diperolehi daripada sumber dalam talian ini dapat membantu murid memahami makna ujaran yang dikehendaki dan seterusnya mencungkil makna ujaran tersebut sehingga ke peringkat falsafah, budaya dan akal budi penulis sajak ini. Oleh yang demikian, penerokaan makna menggunakan pendekatan SI yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) ini berupaya untuk menjawab persoalan ‘kenapa’ yang timbul dalam usaha untuk merungkai makna implisit dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa ini.

DATA 3: Bersatu Hati Bak Seberkas Lidi

Data yang dianalisis di peringkat semantik skrip ini ialah bahasa figuratif (BF) yang berbentuk simile. Menurut Nik Hassan Basri (2005) (dalam Khazri Osman et al., 2020) simile ialah perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu sama ada orang, benda, dan sebagainya dengan yang lain. Seperti biasa, murid akan terlebih dahulu mencari makna harfiah iaitu makna di peringkat permukaan menggunakan kamus Bahasa Melayu. Setelah melalui beberapa kali pengalaman mencari makna di peringkat ini dengan bimbingan guru, perolehan makna nampak mudah bagi murid yang hanya perlu menjelaskan makna secara permukaan sahaja. Data 3 iaitu, ‘bersatu hati bak seberkas lidi’ mengemukakan makna linguistik perkamusan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6. Makna Harfiah “tangan-tangan kami membentuk alam lestari”

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
3	Bersatu hati bak seberkas lidi	Bersatu Hati Bak Seberkas Lidi	<ul style="list-style-type: none"> • bertaut • organ dalaman manusia • seperti • seikat • tulang daun kelapa

Nota. Pencarian makna harfiah setiap leksikal dalam ungkapan ‘Bersatu hati bak seberkas lidi’ menggunakan Kamus Bahasa Melayu.

Walaupun murid berjaya mengemukakan makna “bersatu hati bak seberkas lidi” seperti dalam Jadual 6, namun makna ini belum lagi sampai kepada makna sebenar yang dihayati pencipta sajak ini. Murid seterusnya dibimbing untuk

mengesan makna tersirat berkenaan. Tahap analisis dalam pendekatan SI seterusnya akan dilakukan, iaitu analisis tahap semantik resonans. Pada tahap ini, guru mengarah murid ke arah mengaplikasikan (KBAT). Murid diminta mengemukakan andaian-andaian yang disyaratkan dalam TR untuk mendekati makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh penyajak dalam ungkapan ini. Analisis tahap semantik resonans membenarkan pengkaji mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar. Pada masa ini, murid diberi edaran untuk menulis sinopsis, kod, inferens dan andaian. Murid mengetahui makna baris sajak ini adalah tentang perpaduan dalam memastikan kehijauan dan keindahan alam ciptaan Tuhan ini terpelihara. Jadual 7 memaparkan analisis ungkapan ini menggunakan TR.

Jadual 6. Analisis TR Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Data 3.

Data (3) <i>Bersatu hati bak seberkas lidi</i>		
Kod	Inferens	Andaian
berkas lidi	himpunan yang ampuh	<ol style="list-style-type: none"> 1. kekuatan berpasukan 2. kemenangan hampir pasti 3. mengekalkan momentum yang baik

Setelah menentukan kod, inferens dan andaian, proses menentukan andaian paling relevan dilakukan. Murid dibimbing untuk mengenal pasti andaian yang relevan dan sesuai. Berdasarkan andaian-andaian yang dikenal pasti, andaian pertama ialah andaian yang paling relevan kerana maklumat ini telah tersimpan dalam memori jangka panjang murid. Murid telah sedia maklum bahawa kekuatan berpasukan ialah kunci utama dalam sesuatu kejayaan. Dengan itu, murid telah berupaya mencungkil makna baris sajak ini melalui proses kognitif. Namun, makna ini belum cukup untuk merungkai makna sebenar yang dihajati oleh penyajak. Oleh yang demikian, pendekatan SI akan diaplikasikan bagi memberi ruang kepada murid menterjemahkan KBAT ke dalam bentuk penerokaan makna yang menuntut murid meneroka ilmu di peringkat multidisiplin. Pada peringkat ini, murid dibimbing menjawab persoalan 'kenapa, kenapa dan kenapa' untuk mencari makna yang dihajati. Kenapa baris sajak ini menggunakan 'lidi'? Bagi merungkai persoalan ini, pengkaji menerangkan maklumat yang berkaitan dengan lidi kepada murid. Lidi berasal daripada daun pokok kelapa yang diraut dengan menggunakan pisau. Rajah 4 menunjukkan seberkas lidi yang dijadikan penyapu.



Rajah 4. Penyapu yang diperbuat daripada lidi.

Nota. Penyapu yang dihasilkan daripada lidi daun kelapa yang diraut halus digunakan sejak tahun 1960-an. (Sumber: <https://lupekanje.blogspot.com/2009/03/penyapu-lidi.html>)

Agak mudah mematahkan sebatang lidi daripada mematahkan seberkas lidi. Satu perumpamaan menggunakan lidi sebagai perlambangan iaitu sebatang lidi senang dipatahkan, tetapi tidak berlaku sedemikian jika seberkas lidi yang menjadi kuat dan kukuh. Perumpamaan itu mengajar kita agar bersatu dan berada dalam satu kelompok sekiranya ingin mencapai kejayaan yang dihajati bak kata pepatah 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Kajian ini berpendapat bahawa penggunaan seberkas lidi mempunyai falsafah dan akal budi di sebalik penulisan baris sajak ini. Makna yang diingini oleh penyajak hampir berjaya dicungkil tetapi ada lagi persoalan harus dijawab. Kenapa 'bersatu hati bak seberkas lidi' dipilih untuk melengkapkan sajak ini? Noor Azizah dan Zanaton (2015) ada menyatakan bahawa sikap pro-alam sekitar yang ada pada setiap individu akan memastikan tanggungjawab memelihara alam sekitar dapat dipikul bersama-sama demi generasi akan datang. Pada akhirnya, makna yang dihajati dalam baris sajak ini dapat dicungkil sehingga menemui falsafah, budaya dan akal budi penulisnya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pendekatan SI yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) ini berupaya membantu murid melakukan penerokaan makna dari peringkat permukaan sehingga ke peringkat dasar iaitu falsafah dan akal budi. Pengaplikasian TR pada peringkat semantik resonans telah mencetuskan gelombang pemikiran kognitif murid bagi merungkai makna yang dikehendaki oleh penutur ataupun penulis bahan seni bahasa ini. Impak positif dapat dilihat dalam diri murid apabila KBAT diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada para guru bahasa Melayu yang mengajar aspek seni bahasa khususnya di peringkat pendidikan rendah kerana pendekatan yang digunakan ini bersesuaian dengan kehendak KPM untuk menghasilkan kumpulan murid yang boleh belajar berfikir di luar kotak bermula dari peringkat akar umbi. Akhir sekali, kajian ini bermanfaat kepada penulis buku agar bijak dalam memilih bahan pembelajaran terutamanya bahan seni bahasa yang dapat membantu murid mengasah minda dan pemikiran sesuai dengan amalan pembelajaran pada abad ke-21.

RUJUKAN

- Amriah Buang. (2013). Menatar kebijaksanaan geografi kehidupan. *Persidangan Pelestarian Pemikiran dalam Pendidikan Geografi dan Sejarah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di sekolah*. <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/kbat/1336-kemahiran-berfikir-aras-tinggi-aplikasi-di-sekolah-2014/file>
- Harun Baharudin. (2015). *Pembelajaran interaktif e-LEARNING mencorakkan kemahiran berfikir aras tinggi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ika Lestari. (2015, Disember 17). *Struktur bumi dan penjelasannya*. Ilmugeografi.com. <https://ilmugeografi.com/ilmu-bumi/struktur-bumi>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). Surat Pekeliling Ikhtisas bil.2/2010- Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu mulai 2011. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1911-surat-pekeling-ikhtisas-kpm-tahun-2010-bil-11/file>
- Khazri Osman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad, & Ahmad Irdha Mokhtar. (2020). Keindahan gaya bahasa simile dalam Hadis Ashrat Al-Sa'ah. *Jurnal al-Turath*, 5(1), 1-10
- Lupekanje.(2009). *Penyapu lidi*. Lupekanje. <https://lupekanje.blogspot.com/2009/03/penyapu-lidi.html>
- Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farahkhanna Mohd. Rosli, Noor Syamshida Masa, & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 1-20.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak 'Pelacur Tua': Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 113-142. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/4261/1386>.
- Mary Fatimah Subet. (2019). *Pengajaran-pembelajaran gaya bahasa: Aplikasi teori relevans*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).
- Mat Ariffin Ismail & Abdul Rahman Kamil Abu Naim (2019). *Bahasa Melayu Tahun Enam (BT)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Aizaini Maarof. (2004). *Teknologi maklumat: Sistem komputer dan perisian Siri I*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Ridzuan Md. Nasir & Mary Fatimah Subet. (2018). Inovasi pengajaran dan pembelajaran peribahasa Melayu menggunakan Semantik Inkuisitif. *Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 30-42.
- Noor Azizah Samsudin & Zanaton Ikhsan. (2015). Kesedaran alam sekitar melalui aplikasi sendiri alam sekitar (KAKAS). *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(2), 31-44.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Hudani Md. Nawawi & Puteri Hayati Megat Ahmad. (2020). Psikologi agama: Suatu amalan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 206-214.
- Pranee Liamputtong. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel 'Sangkar' karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995) *Postface to the second edition of relevance: Communication and cognition*. Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevans: Komunikasi dan kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet. (2020). Perwatakan dalam novel KOMSAS "Di Sebalik Dinara": Analisis teori relevans. *Asian People Journal*, 3(1), 84-100.
- Swari, R. C. (2021, April 13). *Gambar tangan manusia beserta fungsi setiap bagiannya*. Hellosehat. <https://hellosehat.com/muskuloskeletal/gambar-tangan-manusia/>
- Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan, Mansor Mohd Nor, & Wan Shahzinda Shah Wan Shahar. (2016). Indeks Kesejahteraan Hidup dalam Masyarakat Kepelbagaian: Kajian dalam Kalangan Pelajar IPTA. In *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah* (pp. 978-967). <http://conference.kuis.edu.my/icommm/3rd/e proceedings/IC-028.pdf>
- Usman Awang. (1965). *Dari bintang ke bintang*. Penerbitan Angkatan Baru.